

LATIHAN IMBUHAN 1 : (20 markah)

Arahan: Pilih perkataan berimbuhan yang paling sesuai bagi mengisi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Kebanyakan antara kita seakan terpegun melihat rancangan ilusi atau magik di televisyen. Walaupun ada rancangan yang (1) _____ rahsia sebenar di sebalik (2) _____ silap mata, masih ramai yang meminatinya.

Misalnya, ahli silap mata Criss Angel mempunyai ramai (3) _____ kerana gayanya yang ekstrim dan mempunyai (4) _____ televisyennya sendiri. (5) _____ kamera pula diberikan lebih kepada reaksi penonton.

Ahli silap mata lain seperti David Blaine pernah (6) _____ di dalam keranda kecil dan (7) _____ sebelum berjaya melepaskan diri. Semua ini dilakukan di depan khalayak ramai.

Penonton bagi (8) _____ dan telah mengenepikan unsur rasional apabila melihat aksi-aksi mereka. Aksi seperti ini kini (9) _____ ramai anak muda. (10) _____ ahli silap mata di Singapura juga mengikut aksi mereka. Minat terhadap unsur ilusi dalam pertunjukan semakin meningkat.

1	(1) didedahkan (3) pendedahan	(2) mendedahkan (4) terdedah
2	(1) ditunjukkan (3) pertunjukan	(2) menunjukkan (4) tunjukkan
3	(1) diminati (3) minatkan	(2) meminati (4) peminat
4	(1) merancang (3) rancangan	(2) perancang (4) rancangan
5	(1) Ditumpu (3) Tumpuan	(2) Menumpukan (4) Tumpukan
6	(1) baringkan (3) dibaringkan	(2) berbaring (4) terbaring
7	(1) ditanam (3) tanaman	(2) menanam (4) tanamkan
8	(1) memukau (3) pukauan	(2) memukaukan (4) terpukau
9	(1) digemari (3) kegemaran	(2) gemarkan (4) menggemari
10	(1) Kumpulan (3) Sekumpulan	(2) Kumpulkan (4) Terkumpul

LATIHAN IMBUHAN 2 : (20 markah)

Arahan: Pilih perkataan berimbuhan yang paling sesuai bagi mengisi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Kompang ialah sejenis alat muzik tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Kompang (1) _____ dalam kumpulan alat muzik gendang yang (2) _____ ke Nusantara oleh pedagang Arab yang datang berdagang.	1 (1) golongan (2) menggolong (3) penggolongan (4) tergolong
Kompang diperbuat daripada pokok cengal dan palau. Kayu dipotong untuk (3) _____ satu bulatan seperti roda. (4) _____ kayu ini akan disapu lilin dan (5) _____ di	2 (1) dibawa (2) membawa (3) pembawa (4) terbawa
tempat redup sehingga kering. Setelah kering, kulit kambing akan diletakkan pada (6) _____ kayu tadi lalu ditegangkan. Kemudian, baldu akan (7) _____ di sekeliling bulatan tersebut.	3 (1) bentukan (2) membentuk (3) pembentuk (4) terbentuk
Paku pula akan disemat untuk (8) _____ kulit tersebut sentiasa berada dalam (9) _____ tegang.	4 (1) Memotong (2) Pemotong (3) Potongan (4) Terpotong
Kompang biasanya dimainkan dalam majlis perkahwinan atau majlis-majlis (10) _____.	5 (1) dijemur (2) jemuran (3) menjemur (4) penjemuran
Permainan kompang menekankan aspek kerjasama kerana jika seorang pemain sahaja tidak dapat memainkan apa-apa lagu.	6 (1) bermuka (2) mengemukakan (3) pemuka (4) permukaan
	7 (1) berlilit (2) dililitkan (3) melilit (4) selilit
	8 (1) dipastikan (2) kepastian (3) memastikan (4) pemastian
	9 (1) berada (2) diadakan (3) keadaan (4) mengadakan
	10 (1) keramaian (2) memperamai (3) meramaikan (4) seramai

